

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/09/16 - 42

### **14 HARI LAGI PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA AKAN TAMAT**

Petaling Jaya, 16 September – Hanya berbaki lagi 14 hari Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) yang diumumkan oleh kerajaan dalam Belanjawan 2019 akan tamat pada 30 September 2019. PKPS yang bertujuan memberikan ‘peluang kedua’ kepada pembayar cukai yang mempunyai masalah pematuhan cukai untuk membuat pembetulan pelaporan cukai mereka menawarkan pengenaan kadar penalti yang rendah iaitu hanya 15% bagi fasa kedua ini.

Sehubungan itu pembayar cukai yang mempunyai isu pematuhan cukai adalah digesa untuk segera menyertai PKPS ini bagi mengelakkan penalti yang lebih tinggi dikenakan iaitu antara 45% sehingga 300% mulai 1 Oktober 2019. Hal demikian dinyatakan oleh YB Lim Guan Eng, Menteri Kewangan Malaysia ketika merasmikan Majlis *Countdown To Special Voluntary Disclosure Programme* pada hari ini di Menara Hasil Petaling Jaya.

Di samping itu, YB Lim Guan Eng turut mengesahkan bahawa hanya maklumat penderma yang menderma RM10,000 dan ke atas sahaja perlu dikemukakan kepada LHDNM di bawah Garis Panduan Bagi Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Di Bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967, berbanding maklumat penderma yang menderma RM5,000 dan ke atas sebelum ini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) LHDNM YBhg. Dato' Sri Sabin bin Samitah memberi jaminan kepada peserta yang hadir bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) tidak akan membuat semakan lanjut ke atas tahun taksiran di mana pengakuan sukarela telah dibuat dengan suci hati oleh pembayar cukai di bawah program ini.

Majlis anjuran LHDNM dan disokong oleh Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM) serta National Chamber of Commerce and Industry of Malaysia (NCCIM) ini menghimpunkan lebih 300 orang peserta dalam kalangan usahawan dan dari pelbagai latarbelakang industri.



Turut diadakan dalam majlis tersebut ialah sesi dialog bersama-sama Menteri Kewangan dan KPE LHDNM sebagai medan menjawab sebarang keraguan peserta berhubung PKPS.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Cik Farah Rosley, Presiden CTIM dan YBhg. Tan Sri Datuk Ter Leong Yap, Presiden NCCIM.

Untuk sebarang keterangan lanjut berkenaan PKPS, sila:

- i. Kunjungi Pejabat LHDNM yang berhampiran;
- ii. Hubungi Hasil Care Line LHDNM di talian 1-800-88-5436 atau 603-8911 1100 (Luar Negara); atau
- iii. e-mel pertanyaan kepada: [penguansukarela@hasil.gov.my](mailto:penguansukarela@hasil.gov.my)

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



**Dikeluarkan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 / 21695 | 📠 : 03-8313 7873  
Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)  
Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 16 September 2019**



/LHDNM



@LHDNMOfficial



LHDNM



lhdnTube



**Gambar 1 : YB Tuan Lim Guan Eng memberikan maklum balas kepada peserta dialog mengenai PKPS**



**Gambar 2 : YBhg. Dato' Sri Sabin Samitah memberikan penerangan kepada peserta dialog mengenai PKPS**



**Gambar 3 : Barisan panelis daripada kiri gambar :**

- I. Encik Lim Kien Thai, Pengarah Cawangan Shah Alam**
- II. Dato' Sri Sabin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM**
- III. YB Tuan Lim Guan Eng, Menteri Kewangan Malaysia**
- IV. Cik Farah Rosley, Presiden *Chartered Tax Institute of Malaysia* (CTIM)**
- V. Encik Vijayen Nagalingham, Cawangan Pembayar Cukai Besar (CPCB)**



**Gambar 4 : Peserta dialog memberikan pertanyaan kepada panelis mengenai PKPS**



**Gambar 5 : Suasana program *Countdown To SVDP With Minister of Finance, Malaysia***

